

Muhyiddin Tiba Di Labuan Untuk Lawatan Kerja Dua Hari
Bernama
16 April, 2013

LABUAN, 17 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini Rabu untuk lawatan kerja dua hari.

Beliau yang diiringi isterinya Puan Sri Norainee Abdul Rahman tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan pada jam 2.25 petang dan disambut oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Labuan.

Timbalan Pengerusi BN dan juga Pengerusi BN Wilayah Persekutuan itu terus menghadiri mesyuarat tertutup bersama pemimpin komponen BN Labuan di lapangan terbang tersebut.

Beliau dijadual merasmikan terminal dan perkhidmatan teksi Labuan di Jalan Bunga Tanjung, Ujong Pasir, di sini petang ini, sebelum mengadakan "walk about" di bandar itu.

Muhyiddin dijangka berlepas ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu untuk menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Seri Sulaiman, Tuaran pada 8 malam ini.

Esok Muhyiddin dijadual mengadakan lawatan kerja ke Tanjung Aru, Beluran dan Sandakan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di sebelah petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942790>